

# Prof. Dr. Mashitah dilantik Penolong Pesuruhjaya Kehormat JPAM

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Kehormat (PA) dalam Angkatan Pertahanan Awam pada 7 April 2015 yang lalu.

Pelantikan ini disampaikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Adenan Ab. Rahman yang hadir mewakili Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyampaian Watikah Pegawai Kehormat Pertahanan Awam sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan kali Ke-63 Tahun 2015.

Dengan pelantikan tersebut, beliau kini merupakan Komandan KOR Siswa-siswi Pertahanan Awam (SISPA) UMP yang telah ditubuhkan di universiti ini sejak tahun 2010.

Hadir sama dalam majlis Ketua Pengarah JPAM, Dato' Zaitun Samad dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMP, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin.

Profesor Dr. Mashitah ketika ditemui berkata, pelantikan itu akan menjadi pencetus dan peneraju terhadap perkembangan penubuhan KOR SISPA UMP pada masa akan datang.

"Sehingga kini, terdapat 181 anggota KOR SISPA dan 11 anggota telah dikurniakan pangkat Leftanan Muda pada tahun lalu.

"Kita akan mempertingkatkan lagi penglibatan mahasiswa serta meningkatkan kemahiran dan peranan bagi setiap anggota KOK SISPA," katanya selepas majlis yang diadakan di Dewan De' Seri Endon, Putrajaya.

Tambah beliau, melalui penyertaan mahasiswa dalam badan beruniform ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk menabur khidmat bakti untuk negara di samping memupuk nilai jati diri dan cintakan kepada tanah air.

Penglibatan mahasiswa ini juga dapat menyuburkan lagi semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa universiti ini.

Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun JPAM, karnival yang berlangsung sepanjang bulan Mac lalu menyaksikan pelbagai program dianjurkan terutamanya di sekitar Putrajaya.

Antaranya termasuklah Latihan Selam Scuba, Latihan Memadam Kebakaran dan Pengendalian Bot Penyelamat yang disediakan untuk orang ramai setiap hujung minggu.